

1249/1
SEJARAH
KERTAS 1
1 JAM
JULAI 2026

NAMA :

KELAS :



MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026

SEJARAH
Kertas 1
Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**.
4. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.
5. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.
7. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak dan **2** halaman tidak bercetak.

1. Kerajaan Alam Melayu yang mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa* ialah
 - A Angkor
 - B Funan
 - C Majapahit
 - D Srivijaya

2. Apakah tugas Bendahara dalam Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Mengetuai pentadbiran
 - B Mengurus pelabuhan
 - C Menjaga perairan
 - D Melindungi kota

3. Maklumat berikut berkaitan tafsiran nasionalisme menurut pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi.

Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat.

Apakah kesan tafsiran tersebut kepada generasi hari ini?

- A Membentuk masyarakat baharu
 - B Melahirkan perasaan kekitaan
 - C Memupuk sikap individualistik
 - D Mewujudkan semangat perkauman

4. Apakah sumbangan tokoh berikut kepada negara?



Ibu Zain

- A Menekankan pendidikan kemahiran
 - B Mementingkan perpaduan bangsa
 - C Mengamalkan budaya tempatan
 - D Mengangkat martabat wanita



5. Apakah faktor yang menamatkan Perang Dunia Kedua di Eropah?
- I Keberkesanan strategi serangan
 - II Kerjasama kuasa besar
 - III Perjanjian gencatan senjata
 - IV Persetujuan rundingan damai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
6. Apakah tujuan penubuhan Force 136 pada tahun 1943?
- A Membanteras kegiatan pengganas
 - B Membendung keganasan MPAJA
 - C Menentang pendudukan Jepun
 - D Menghalang pemberontakan rakyat
7. Antara berikut, manakah akhbar yang menyuarakan bantahan terhadap perlaksanaan Malayan Union?
- I Warta Negara
 - II Suara Rakyat
 - III Jawi Peranakan
 - IV Utusan Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
8. Mengapakah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British pada 26 Jun 1946?
- A Krisis politik
 - B Pewarisan takhta
 - C Perubahan dasar
 - D Masalah kewangan

9. Maklumat berikut berkaitan cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO kepada wakil British pada tahun 1946.

Raja berkuasa dalam perundangan

Apakah kesan cadangan tersebut kepada pemerintahan beraja di negara kita?

- A Mengukuhkan pertahanan
 - B Menggubal perlembagaan
 - C Mengembalikan kedaulatan
 - D Menerajui kerajaan
10. Mengapakah British mengasingkan Singapura dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Kekal sebagai tanah jajahan
 - B Kekayaan bahan mentah
 - C Desakan golongan imigran
 - D Penentangan penduduk tempatan

11. Maklumat berikut berkaitan ancaman komunis terhadap pasukan keselamatan.

22 Februari 1950	Menyerang Balai Polis Bukit Kepong
28 Mei 1954	Membunuh Ketua Polis Kedah

Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Menuntut persamaan hak
- B Mencetuskan huru hara
- C Membebaskan tawanan
- D Merampas semula kuasa

12. Berikut adalah pasukan keselamatan yang ditubuhkan oleh British bagi membanteras ancaman komunis.

X	• Dikenali sebagai "The Silent Killer" • Mengesan tempat persembunyian komunis
----------	---

Apakah X?

- A Polis Hutan
 B Senoi Praaq
 C Home Guard
 D Special Constables
13. Penduduk tempatan dilantik sebagai ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951. Mengapakah pelantikan tersebut penting kepada negara?
- A Mengekalkan sistem pentadbiran tradisional
 B Mengukuhkan kuasa politik bumiputera
 C Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
 D Penjimatan perbelanjaan kerajaan
14. Apakah perjuangan United Malays National Organisation (UMNO) pada tahun 1946?
- A Menghalang kemasukan imigran
 B Mewujudkan pentadbiran Islam
 C Menekankan perpaduan kaum
 D Menentang Malayan Union
15. Maklumat berikut berkaitan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

1954 - Pilihan Raya Peringkat Negeri
Parti Perikatan menang 226 daripada 268 kerusi

Mengapakah parti tersebut memperoleh kemenangan?

- A Kerjasama antara kaum
 B Peranan raja-raja Melayu
 C Sokongan daripada British
 D Kewibawaan calon politik

16. Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 telah membawa perubahan yang besar kepada negara.
Apakah perubahan tersebut?

- I Pengukuhan pemerintahan beraja
- II Perkembangan amalan demokrasi
- III Pembentukan kabinet pertama
- IV Pelantikan jawatan ketua negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Gambar berikut berkaitan peristiwa bersejarah di negara kita.



Rombongan tersebut diketuai oleh

- A Dato' Onn Jaafar
- B Dato' Abdul Razak Hussein
- C Dr. Ismail Abdul Rahman
- D Tunku Abdul Rahman

18. Mengapakah rakyat keturunan Melayu diberikan kedudukan istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- A Merupakan penduduk asal
- B Menjadi golongan majoriti
- C Memiliki kelakuan yang baik
- D Mengamalkan budaya tempatan

19. Jawatankuasa Sambutan ditubuhkan untuk memeriahkan kemerdekaan negara. Apakah persediaan jawatankuasa tersebut?
- A Membina kediaman rasmi ketua negara
 - B Menyediakan pakaian khas menteri
 - C Memperkenalkan lagu kebangsaan
 - D Mereka cipta bendera persekutuan
20. Maklumat berikut berkaitan perjanjian antara negara kita dengan Britain.

Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA)

Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Melindungi hak asasi manusia
 - B Menambahkan aset ketenteraan
 - C Menjamin kebebasan mentadbir
 - D Memperkuatkan sistem pertahanan
21. Maklumat berikut berkaitan konsep kedaulatan.

Tun Dr. Mohamed Salleh Abas menyatakan asas bagi sesebuah negara yang merdeka ialah memiliki kebebasan tanpa telunjuk asing.

Apakah kebebasan yang dimaksudkan oleh tokoh tersebut?

- A Mencapai kecemerlangan hubungan luar
- B Menjadi kuasa politik unggul dunia
- C Mempunyai hak mengurus negeri
- D Meluaskan pengaruh ketenteraan



SERTAI TELEGRAM @exercise_students


22. Maklumat berikut berkaitan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat.

- Keberkesanan pentadbiran
- Kemakmuran ekonomi
- Kecemerlangan hubungan luar
- X

Apakah X ?

- A Kesejahteraan sosial
- B Kebebasan bersuara
- C Kekuatan ketenteraan
- D Kewibawaan pemimpin

23. Maklumat berikut berkaitan sejarah pembentukan undang-undang di Malaysia.



Apakah kesan perkembangan tersebut kepada negara?

- A Pemberian kuasa autonomi
- B Penggubalan perlembagaan
- C Pengukuhan kuasa raja
- D Penetapan sempadan

24. Apakah perkara yang termaktub dalam pindaan Perlembagaan 1963?

- I Mewujudkan Majlis Sultan-Sultan
- II Membentuk Majlis Undangan Negeri
- III Menubuhkan Mahkamah Tinggi Borneo
- IV Memperkenalkan jawatan Yang di-Pertua Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25. Majlis Raja-Raja bertindak sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di negara kita. Bagaimanakah institusi tersebut memainkan peranannya?
- A Memilih ahli kabinet dalam pentadbiran
 - B Menentukan bentuk hubungan diplomatik
 - C Memberi nasihat bagi pelantikan jawatan penting
 - D Menetapkan agihan peruntukan pembangunan
26. Mengapakah pengasingan kuasa dilaksanakan dalam sistem pemerintahan di Malaysia?
- A Meredakan pertikaian parti politik
 - B Menyelaraskan peruntukan negeri
 - C Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
 - D Mewujudkan pemerintahan yang adil
27. Antara berikut, manakah berkaitan bidang kuasa Senarai Persekutuan?
- I Mengawal hal ehwal luar negeri
 - II Menguruskan sistem pertahanan
 - III Menyediakan kemudahan awam
 - IV Membangunkan kemajuan tanah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
28. Apakah faktor yang mengukuhkan sistem persekutuan?
- A Pemantapan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong
 - B Pembentukan agensi kerajaan sebagai badan pelaksana
 - C Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
 - D Pemusatan kuasa kehakiman dalam perundangan

29. Maklumat berikut berkaitan idea gagasan Malaysia oleh Sir Malcolm MacDonald pada tahun 1951.

Penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi.

Apakah rasional cadangan tersebut?

- A Meneruskan dasar neokolonialisme
 - B Menjayakan rancangan dekolonisasi
 - C Mendapatkan sokongan negara serantau
 - D Menjamin kedudukan pemimpin tempatan
30. Apakah perkara yang dikaitkan dengan Sarawak dan Sabah dalam Perjanjian Malaysia pada 9 Julai 1963?
- A Menetapkan syarat kerakyatan
 - B Menggubal dasar pertahanan
 - C Menentukan hubungan luar
 - D Menubuhkan kabinet sendiri
31. Maklumat berikut berkaitan ucapan Tunku Abdul Rahman dalam perbahasan di Dewan Rakyat.

“Pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan”

Bagaimanakah isu tersebut diselesaikan?

- A Menganjurkan demonstrasi
- B Melancarkan konfrontasi
- C Mengadakan rundingan
- D Menggunakan pujukan

32. Gambar berikut berkaitan rusuhan kaum di negara kita.



Apakah usaha kerajaan untuk mengatasi tragedi tersebut?

- I Melancarkan operasi ketenteraan
 - II Memperkenalkan Rancangan Briggs
 - III Menubuhkan MAGERAN
 - IV Mengisytiharkan darurat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
33. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956.
- Apakah matlamat penubuhannya?
- A Memartabatkan bahasa kebangsaan
 - B Meningkatkan kadar celik huruf
 - C Memupuk minat membaca
 - D Melahirkan penulis muda



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

34. Maklumat berikut berkaitan matlamat Rukun Negara.

Masyarakat Adil

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?

- I Mempunyai peluang yang sama
- II Mencipta satu bangsa yang bersatu
- III Mengamalkan kebudayaan yang sesuai
- IV Membantu pihak yang lemah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35. Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
untuk membantu penduduk di luar bandar.

Bagaimanakah usaha tersebut dilaksanakan?

- A Membuka tanah baharu
- B Menubuhkan kegiatan koperasi
- C Menyediakan insentif kewangan
- D Membuat penyelidikan hasil pertanian

36. Apakah konsep pertanian pintar?

- A Memperluaskan tanaman komersial
- B Memperkasakan kepakaran petani
- C Menggunakan teknologi moden
- D Memelihara kelestarian alam


37. Maklumat berikut berkaitan dasar luar negara kita.

Malaysia menjalinkan hubungan dengan Arab Saudi, Mesir dan Yaman.

Mengapakah Malaysia bertindak demikian?

- A Persekitaran luar
 - B Ikatan sejarah
 - C Keperluan nasional
 - D Kebolehan pemimpin
38. Malaysia telah membangkitkan isu berkaitan Bosnia Herzegovina dalam Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia pada tahun 1992.
- Apakah keputusan yang dicapai dalam persidangan tersebut?
- A Menyekat bantuan ketenteraan
 - B Memecat ketua pemimpin Serbia
 - C Menghentikan kerjasama ekonomi
 - D Menggantung keahlian Yugoslavia

39. Peta berikut berkaitan dengan kerjasama pembangunan wilayah baharu.



Lingkungan kawasan SIJORI-GT

Apakah manfaat kerjasama tersebut kepada Malaysia?

- A Mengurangkan monopoli barangan negara maju
- B Menamatkan tuntutan pertindihan sempadan
- C Menyekat kemasukan pelabur rantau lain
- D Mengawal kadar pertukaran mata wang

40. Berikut merupakan komitmen Malaysia menyertai Sidang Kemuncak Bumi.

Tahun	Persidangan
2007	Persidangan Alam Sekitar di Bali, Indonesia

Apakah kejayaan yang dicapai dalam persidangan tersebut?

- I Menggalakkan penggunaan tenaga baharu
 - II Mengawal perkembangan teknologi
 - III Meningkatkan penggunaan bahan api
 - IV Mengurangkan pembebasan gas rumah hijau
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

